

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : ISU

## Saman perokok degil mulai Julai ini

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan mengingatkan perokok, bahawa tempoh enam bulan bagi penguatkuasaan pendidikan di kedai makan dan restoran, bakal berakhir Julai ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata selepas tempoh itu pihak kementerian akan mempertingkatkan penguatkuasaan, termasuk mengeluarkan saman kepada perokok yang masih berdegil.

"Setakat ini, kita belum mengeluarkan sebarang saman kepada mereka yang melanggar peraturan berkenaan, tetapi mulai Julai ini kita akan ambil tindakan tegas, dalam tempoh itu juga penguatkuasaan akan dipertingkatkan.

"Kita minta orang ramai beker-

jasama kerana perkara ini berkaitan dengan isu kesihatan, selain itu kita berharap perokok mengubah sikap mereka.

"Merokok di luar kawasan larangan merokok atau lebih tepat kurangkan merokok.

### Khidmat henti merokok

"Sekiranya mereka nekad untuk berhenti merokok, sebanyak 731 Klinik Kesihatan ada menyediakan khidmat untuk berhenti merokok dan 46 hospital turut menyediakan khidmat berkenaan secara percuma," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) Plus antara kement-



[FOTO NOOR ATIQA SULAIMAN/BH]

**Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min (kiri) bertukar dokumen dengan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BPHB, Datuk Mohammad Medan Abdullah sambil disaksikan Dr Boon Chye di Putrajaya, semalam.**

riannya dengan Bintulu Port Holdings Bhd (BPHB) di sini, semalam.

### Peraturan larangan merokok

Peraturan larangan merokok itu diwartakan mengikut Peraturan 11, Peraturan Kawalan Hasil Temba-

kau 2004, dengan perokok yang melanggar peraturan boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun, manakala pengusaha yang gagal mematuhi peraturan boleh didenda RM3,000 atau penjara tidak lebih enam bulan.

Larangan merokok di kedai makan atau restoran itu sudah dilaksanakan pada Januari lalu, namun Kementerian Kesihatan memberi tempoh enam bulan sebagai 'tempoh mendidik' perokok supaya mereka merokok tiga meter dari premis berkenaan.



AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 20  
 RUANGAN : SETEMPAT

## Tender Hospital Seri Iskandar dibuka Disember ini

**SERI MANJUNG** - Tender pembinaan Hospital Seri Iskandar dijangka bakal dibuka 23 Disember tahun ini selepas proses reka bentuk hospital berkenaan dimuktamadkan Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya juga dimaklumkan Surat Setuju Terima (SST) bagi projek pembinaan hospital dengan 76 katil tersebut juga dijangka diadakan pada 25 April tahun hadapan.

"Hospital Seri Iskandar akan memiliki 76 katil dan SST dijangka diserahkan pada April 2020 cuma kos pembinaan saya tidak boleh beritahu lagi," katanya kepada media selepas merasmikan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2019 Peringkat Negeri Perak dan Majlis Perasmian Computed Tomography Scan Suite Hospital Seri Manjung, di sini, semalam.

Menurut Dzulkefly terdapat lima projek pembinaan dan naik taraf melibatkan pembinaan dua buah hospital baharu dan sebuah bangunan baharu serta dua lagi naik taraf hospital sedia ada di negeri ini.

"Lima projek tersebut adalah pembinaan Hospital Parit Buntar dan Hospital Seri Iskandar serta pembinaan blok Wanita, Kanak-Kanak, dan Pusat Kardiologi Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh.

"Dua lagi melibatkan projek naik taraf Blok A dan B Hospital Taiping serta naik taraf Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Kangsar," katanya.

Mengulas mengenai projek pembinaan blok Wanita, Kanak-kanak dan Pusat Kardiologi HRPB, Dzulkefly berka-



Dzulkefly merasmikan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2019 Peringkat Negeri Perak di Hospital Seri Manjung, semalam.

ta projek berkenaan dijangka siap selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Katanya, blok berkenaan yang sepatutnya mula beroperasi sepenuhnya bulan lepas terpaksa ditangguhkan berikutan Kementerian Kerja Raya perlu melakukan beberapa perkara termasuk mengambil kira faktor keselamatan.

"Kementerian Kerja Raya perlu melaksanakan *testing commissioning* untuk mengesan masalah yang berlaku untuk diperbetulkan.

"Jadi kita tangguh atas dasar beberapa perkara yang mereka perlu lakukan untuk memastikan bangunan yang telah siap bukan hanya siap, daripada segi keselamatan semua perlu diambil kira," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : SETEMPAT

# Saman perokok mulai Julai

■ Penguatkuasaan di kedai makan, restoran selepas enam bulan 'tempoh mendidik' tamat

Noor Atiqah Sulaiman  
am@hmetro.com.my

## Putrajaya

**K**ementerian Kesihatan mengingatkan perokok tempoh enam bulan bagi penguatkuasaan pendidikan di kedai makan dan restoran bakal berakhir pada Jun depan.

Timbalan Menteri, Dr Lee Boon Chye berkata, selepas tempoh itu pihak Kementerian akan meningkatkan penguatkuasaan termasuk mengeluarkan saman kepada perokok yang degil.

Katanya, setakat ini tiada saman dikeluarkan kepada perokok yang melanggar peraturan larangan itu, tetapi mulai Julai kesalahan itu akan ambil tindakan tegas.

"Orang ramai diharap bekerjasama dengan pihak kami kerana perkara ini berkaitan dengan isu kesihatan, selain berharap perokok mengubah sikap mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis menan-



“Orang ramai diharap bekerjasama dengan pihak kami kerana perkara ini berkaitan dengan isu kesihatan, selain berharap perokok mengubah sikap mereka”

Dr Lee

datangani Memorandum Persefahaman Program Komuniti Sihat Pembina Negara (Kospem) Plus antara kementerian dengan Bintulu Port Holdings Bhd (BPHB) di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Lee turut menasihatkan perokok di negara ini untuk mengurangkan seterusnya menghentikan tabiat berkenaan.

"Merokok di luar kawasan larangan merokok atau lebih tepat kurangkan merokok. Sekiranya mereka nekad untuk berhenti merokok, sebanyak 731 klinik kesihatan dan 46 hospital menyediakan khidmat berhenti merokok secara percuma," katanya.

Peraturan larangan merokok itu diwartakan mengikut Peraturan 11, Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan perokok yang melanggar peraturan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun.

Manakala pengusaha yang gagal mematuhi peraturan pula boleh didenda melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan.

Larangan merokok di kedai makan atau restoran itu sudah dilaksanakan pada Januari lalu, namun pihak Kementerian memberi tempoh selama enam bulan sebagai 'tempoh mendidik' perokok.